



Menulis

Lembu Brakmas

Pada hujung minggu lalu, Zarul dan rakan-rakannya telah dibawa oleh Cikgu Zainal ke sebuah ladang penternakan. Setiap murid telah diberi tugas. Zarul ditugaskan untuk menemu ramah pegawai di ladang tersebut.

Zarul : Selamat sejahtera, Encik Aman. Apa khabar?

Encik Aman : Selamat sejahtera. Khabar baik.

Zarul : Banyak sungguh lembu di sini, encik. Apakah jenis baka lembu ini?

Encik Aman : Lembu-lembu ini ialah lembu pedaging baka Brakmas.

Zarul : Bolehkah encik terangkan lembu pedaging Brakmas ini?

Encik Aman : Lembu pedaging baka Brakmas ialah lembu yang terhasil daripada pengacukan benih lembu jantan baka Brahman dari Australia dengan benih lembu betina tempatan. Kami telah menggunakan kaedah bioteknologi untuk menghasilkan baka baharu lembu pedaging.

Zarul : Oh, begitu! Apakah kelebihan lembu yang dikacukkan dengan menggunakan kaedah bioteknologi?

Encik Aman : Lembu pedaging baka Brakmas ini mempunyai daya tahan daripada pelbagai jenis penyakit serta boleh menyesuaikan diri dengan iklim di Malaysia.

Zarul : Saya lihat semua lembu ini bersaiz besar, Encik Aman.

Encik Aman : Ya, Zarul. Lembu-lembu ini mempunyai 50 peratus lebih daging daripada lembu tempatan. Selain itu, lembu ini cepat membiak dan membesar.

Zarul : Oh, begitu! Barulah saya faham. Terima kasih kerana sudi memberikan penerangan.

Encik Aman : Sama-sama.



<http://www.mardi.gov.my/the-brakmas-beef-breed>




Jawab soalan di bawah berdasarkan petikan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan lembu pedaging baka Brakmas?

2. Nyatakan kelebihan lembu pedaging baka Brakmas.

3. Huraikan perbezaan antara lembu pedaging baka Brakmas dengan lembu tempatan dengan menggunakan peta buih berganda.



Petunjuk :

Isikan bulatan hijau dengan ciri-ciri lembu tempatan.

Isikan bulatan warna biru dengan ciri-ciri lembu Brakmas.

Isikan bulatan warna merah untuk persamaan antara lembu tempatan dan lembu Brakmas.

